

Pemuda MIC sedia bantu kempen PRK Dun Kajang

Bernamea

9 Feb, 2014

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Pergerakan Pemuda MIC bersedia turun padang bagi membantu kempen mana-mana calon yang dipilih dari parti komponen Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang, 23 Mac depan.

Ketuanya C. Sivarraajh berkata atas dasar 1Malaysia yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, beliau mengarahkan semua jentera Pemuda berganding bahu menjalankan pelbagai program bagi mengembalikan kerusi tersebut kepada BN.

"Kita tidak hanya akan memberi tumpuan kepada kaum India malah akan turut memberi penerangan kepada pengundi lain di DUN berkenaan mengenai kejayaan dan usaha kerajaan BN membela nasib rakyat berbanding Pakatan Rakyat yang memerintah (Selangor) sejak dua Pilihan Raya Umum (PRU) pada 2008 dan 2013," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Pertama Majlis Tertinggi pergerakan itu di ibu pejabat MIC di sini, hari ini.

Berdasarkan statistik Daftar Pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk PRU ke-13 pada Mei tahun lepas, pengundi Melayu terdiri daripada 48.48 peratus, Cina (40.46 peratus) manakala India (10.15 peratus).

Kerusi DUN Kajang kosong selepas penyandanginya Lee Chin Cheh dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) meletak jawatan secara mengejut pada 27 Jan lepas.

Lee memenangi kerusi itu dengan majoriti undi 6,824 dalam pertandingan enam penjur.

Terdahulu, Sivarraajh mengumumkan penubuhan 'My Indian Youth Consultative Council' (Miycc) yang akan bertindak sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab berinteraksi serta memberi khidmat nasihat kepada belia India.

Miycc akan dilancarkan bulan depan yang bakal membariskan tujuh perunding mahir dari pelbagai bidang antaranya sukan, ekonomi dan sosial.

Pergerakan Pemuda MIC juga bakal melancarkan program MySkill dengan menyasarkan penyertaan lebih 6,000 belia India lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi membolehkan golongan tersebut mendapat pekerjaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/ge/newsgeneral.php?id=1013115>